

KAJIAN RINTIS FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PENGUASAAN I'RAB AL- ASMA' DALAM KALANGAN PELAJAR BAHASA ARAB DI UITM

*(Pilot Study On The Factors Influencing The Mastery Of I'rab Al-Asma' Among
Arabic Language Students At Uitm)*

Amni Muslihah¹, Ibrahim Abdullah^{2*}, Yazid bin Isa³, Mohd Shahzuwan bin Ahmad Razak⁴

Submitted: 15-May-2024
Accepted: 04-Jun-2024
Revised: 16-Jun-2024
Published: 30-Jun-2024

Fakulti Akademi Pengajian Bahasa
Universiti Teknologi MARA,
40450 Shah Alam, Selangor Malaysia.

*Corresponding author's email: ibrahim970@uitm.edu.my

Abstrak

I'rab merupakan salah satu subtopik Nahu Bahasa Arab untuk mengetahui baris akhir bagi suatu perkataan Bahasa Arab. Dalam ilmu Nahu, i'rab terbahagi kepada dua (2) bahagian iaitu I'rab Fe'liyyah dan I'rab Ismiyyah atau I'rab Al-Asma'. I'rab Fe'liyyah adalah baris akhir bagi kata kerja Bahasa Arab manakala I'rab Al-Asma' pula merujuk kepada baris akhir bagi kata nama Bahasa Arab. Tujuan kajian rintis ini dijalankan adalah untuk menguji kesahan dan kebolehpercayaan instrumen soal selidik faktor-faktor yang boleh mempengaruhi penguasaan I'rab Al-Asma' dalam kalangan pelajar Bahasa Arab di UiTM. Kajian ini merupakan sebuah kajian berbentuk kuantitatif dengan menggunakan soal selidik untuk menguji kebolehpercayaan menerusi SPSS 29.0. Sampel kajian ini terdiri daripada 30 orang pelajar Bahasa Arab UiTM daripada semester enam. Pemilihan sampel kajian dibuat menggunakan teknik pensampelan bertujuan. Bagi tujuan kesahan instrumen kajian, pengkaji memilih tiga (3) orang pakar yang berpengalaman lebih dari lima (5) tahun dalam bidang Bahasa Arab daripada Institusi Pengajian Tinggi Malaysia (IPT). Seterusnya, pengkaji menggunakan Cronbach Alpha bagi menjelaskan kebolehpercayaan semua item kajian bagi setiap faktor yang dikaji. Dapatan kajian menunjukkan bahawa darjah kebolehpercayaan Cronbach Alpha bagi faktor motivasi adalah 0.891, faktor minat bersamaan dengan 0.958, faktor sikap adalah 0.921 dan faktor persepsi bersamaan dengan 0.884. Manakala bagi nilai Cronbach Alpha secara keseluruhan kajian ini adalah 0.976. Implikasi kajian menunjukkan bahawa instrumen soal selidik dalam kajian ini adalah sah dan boleh dipanjangkan untuk kajian sebenar. Manakala item dalam instrumen ini juga boleh dipakai oleh pengkaji lain sebagai alat instrumen kajian yang valid dan sah.

Kata kunci: motivasi, minat, sikap, persepsi, I'rab Al-Asma'

Abstract

I'rab is one of the subtopics of Nahu Arabic to know the last harakat of an Arabic word. In Nahu, I'rab is divided into two (2) parts, namely I'rab Fe'liyyah and I'rab Ismiyyah or I'rab Al-Asma'. I'rab Fe'liyyah is the last harakat of Arabic verbs while I'rab Al-Asma' refers to the last harakat of Arabic nouns. The purpose of this pilot study was to test the validity and reliability of a questionnaire instrument on the factors that can influence the mastery of I'rab Al-Asma' among Arabic students at UiTM. This study is a quantitative study using questionnaires to test reliability through SPSS 29.0. The sample of this study consists of 30 UiTM Arabic students from the sixth semester. The selection of the study sample was made using a purposive sampling technique. For the purpose of the validity of the research instrument, the researcher selected three (3) experts with more than five (5) years of experience in the field of Arabic from Malaysian Institutions of Higher Education (IPT). Next, the

researcher used Cronbach Alpha to explain the reliability of all research items for each factor studied. The findings of the study show that the Cronbach Alpha degree of reliability for the motivation factor is 0.891, the interest factor is equal to 0.958, the attitude factor is 0.921 and the perception factor is equal to 0.884. While the Cronbach Alpha value for this study as a whole is 0.976. The implications of the study show that the questionnaire instrument in this study is valid and can be extended for real research. While the items in this instrument can also be used by other researchers as a valid and valid research instrument.

Keywords: motivation, interest, attitude, perception, I'rab Al- Asma'

1.0 PENGENALAN

Antara keistimewaan yang terdapat dalam Bahasa Arab adalah mempunyai kaedah analisis struktur ayat (I'rab) yang sempurna (Azhar, 2017). Analisis ini dijalankan berdasarkan perubahan baris-baris akhir pada perkataan yang disebabkan oleh perubahan frasa atau fungsian perkataan itu sendiri (Azhar, 2017). Sebagai contoh, perkataan "Zaid" dalam Jadual 1 dibaca dengan sebutan Zaidun, Zaidan, Zaidin kerana berada dalam struktur dan pola ayat yang berbeza.

Jadual 1. Contoh perubahan baris akhir

Contoh ayat	Maksud
جاء زيدٌ	Zaid telah datang
رأيتُ زيداً	Saya melihat Zaid
مررتُ بزيدٍ	Saya berselisih dengan Zaid

Berdasarkan Jadual 1, contoh pertama menunjukkan perkataan "Zaid" dibaca dengan baris hadapan disebabkan peranannya dalam ayat tersebut sebagai fa'il (pembuat). Manakala dalam ayat kedua, perkataan "Zaid" dibaca dengan baris atas disebabkan fungsinya dalam ayat tersebut sebagai mafulun bih (menjelaskan kata kerja dalam ayat). Ayat ketiga pula "Zaid" dibaca dengan baris bawah disebabkan kedudukannya sebagai isim majur dalam ayat tersebut.

Menerusi kajian Sangkot Matua (2019), i'rab didefinisikan sebagai suatu perubahan atau lambang bunyi (vokal atau harakat) pada akhir kata yang berlaku disebabkan oleh kedudukan dalam sebuah gabungan kata (frasa) atau dalam struktur ayat (Amzah, 1983). Selaras dengan itu, buku ilmu nahu terjemahan Matan Al-Jurumiyah dan Imrithy pula mendefinisikan i'rab sebagai perubahan baris akhir perkataan kerana perbezaan amil (faktor) yang memasukinya sama ada secara lafaz (لفظاً) ataupun secara perkiraan (تقديرًا) (Nasikhul, 2016). Penguasaan i'rab yang mantap adalah apabila dapat menentukan mawqi', hukum dan alamat (tanda) bagi suatu perkataan dengan tepat. Secara umumnya, mawqi' i'rab bermaksud kedudukan perkataan dalam suatu ayat. Contohnya seperti fail, maful mutlaq, mubtadak, mudfufun ilaih dan sebagainya. Manakala hukum i'rab pula terbahagi kepada empat iaitu rafa' (رفع), nasab (نصب), jar (جر) dan jazm (جزم). Alamat i'rab pula merupakan tanda yang merujuk kepada hukum i'rab bagi perkataan tersebut.

1.1 Faktor Motivasi

Siti Hajar et.al (2019), berkata, motivasi adalah sebagai satu entiti hasil daripada pelbagai faktor (multifactorical) dan tahapnya boleh berubah dari semasa ke semasa. Menurut Oxford dan Shearin (1994), terdapat enam (6) faktor yang memberi kesan kepada pembentukan motivasi iaitu:

- i. sikap terhadap bahasa sasaran
- ii. kepercayaan diri

- iii. matlamat
- iv. penglibatan
- v. persekitaran dan
- vi. nilai diri

Merujuk kajian yang telah dijalankan oleh Abdul Hakim et.al (2014) mengenai motivasi pelajar terhadap pengajian Bahasa Arab di Sekolah Kebangsaan Agama, dapatan kajian mendapati bahawa sikap memainkan peranan penting yang mempengaruhi penguasaan bahasa kedua (Siti Hajar et.al, 2019). Menurut Siti Hajar et.al (2019), antara faktor yang penting untuk menguasai bahasa adalah pada sikap dan juga motivasi yang perlu ada pada seseorang pelajar itu. Hal ini kerana sikap dan motivasi ini yang akan mendorong mereka untuk menguasai sesuatu pembelajaran bahasa yang baharu.

Slameto (2013) berpendapat, motivasi ialah satu proses yang mendorong seseorang untuk melakukan sesuatu (Ega Sri Dini, 2019). Motivasi ini dianggap sebagai arahan atau hasutan untuk mempengaruhi seseorang individu dalam melaksanakan sesuatu tugas. Selain itu, Ismail dan Othman (2012) pula menjelaskan bahawa motivasi adalah salah satu daripada faktor penting untuk mewujudkan pembelajaran yang sempurna. Dalam kajian lain juga telah dinyatakan definisi bagi motivasi adalah suatu proses yang melibatkan keupayaan dalam diri seseorang yang mendorong mereka untuk melakukan sesuatu perkara secara suka rela tanpa sebarang paksaan (Seebaluck & Seegum, 2013). Beth Hennessey et. al (2015) menjelaskan bahawa motivasi ini terbahagi kepada dua (2) bahagian utama. Yang pertama adalah motivasi intrinsik iaitu motivasi yang wujud dalam diri seseorang dan bukannya disebabkan faktor luaran. Menurut Lisa Legault (2017), motivasi intrinsik ialah kecenderungan semula jadi manusia. Contohnya, seorang pelajar akan bermotivasi tinggi apabila mempelajari mata pelajaran yang diminatinya. Minat terhadap mata pelajaran tersebut menjadikan pelajar tersebut bermotivasi tinggi untuk kekal fokus sepanjang sesi pembelajaran berlangsung. Contoh motivasi intrinsik berikutnya adalah disiplin pelajar. Seorang pelajar yang berdisiplin akan bermotivasi tinggi untuk menguasai suatu mata pelajaran (Ismail dan Othman, 2012). Motivasi intrinsik ini berkait dengan tingkah laku yang menyeronokkan, menarik dan mencabar secara optimum. Apabila dalam sesi pembelajaran tidak mempunyai kualiti ini, maka seseorang pelajar itu akan mempunyai sedikit motivasi untuk melibatkan dirinya dalam sesi pembelajaran tersebut.

Manakala motivasi ekstrinsik pula adalah motivasi yang wujud disebabkan faktor-faktor luaran yang tidak berkait dengan dalaman diri pelajar. Lisa Legault (2017) berkata, tidak semua motivasi ekstrinsik bagi setiap pelajar adalah sama. Contohnya, seorang pelajar boleh memupuk motivasi belajar yang tinggi apabila pensyarah menggunakan kaedah pengajaran yang menarik. Namun terdapat juga pelajar yang bermotivasi tinggi apabila mempunyai persekitaran dikelilingi oleh rakan-rakan yang turut sama sertai pembelajaran tersebut. Contoh lainnya adalah hadiah atau ganjaran. Ibu bapa yang menghadiahi anak-anak mereka yang cemerlang dalam akademik secara tidak langsung akan mendorong mereka untuk bersemangat dalam belajar. Selain daripada itu, bahan pengajaran yang digunakan semasa sesi pembelajaran juga boleh memotivasikan pelajar untuk terus fokus dalam pembelajaran. Walau bagaimanapun, menurut Lisa Legault (2017), motivasi ekstrinsik yang berlebihan akan mengurangkan motivasi intrinsik. Contohnya, seseorang yang pada mulanya bermain sukan kerana minat dan seronok, tetapi disebabkan sering mendapat hadiah, boleh jadi minat dalam dirinya berkurangan dan akhirnya hanya fokus pada hadiah. Motivasi ekstrinsik yang berlebihan juga sering menjadikan aktiviti yang bertujuan untuk "bermain" bertukar menjadi "kerja" (Lisa Legault, 2017). Setiap pelajar seharusnya mempunyai motivasi dalam diri bagi memastikan mereka sentiasa bersemangat dan tidak berputus asa dalam pembelajaran. Lisa Legault (2017) berkata, suatu pembelajaran itu dapat menarik fokus pelajar adalah dengan bergantung kepada faktor motivasi mereka.

1.2 Faktor Minat

Setiap individu mempunyai minat yang ada dalam dirinya. Minat ini akan meninggalkan kesan yang besar kepada tingkah laku dan sikap seseorang (Fitra Audina dan Putri Rizki, 2022). Minat ini boleh didefinisikan dalam bentuk keadaan apabila seseorang itu memberi perhatian

kepada satu perkara (Fitra Audina dan Putri Rizki, 2022). Jika seorang pelajar berminat dengan suatu subjek, maka perhatiannya terhadap subjek tersebut akan menjadi lebih tinggi (Naeklan, 2013). Noor Erma dan Kwan Eu (2014) bersetuju bahawa pengaruh minat yang tinggi terhadap mata pelajaran tertentu akan mempengaruhi tahap pencapaian pelajar. Berdasarkan kajian Quek (2006), juga mendapati bahawa minat mempunyai pengaruh yang positif kepada pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Matematik (Noor Erma dan Leong Kwan Eu, 2014). Menerusi kajian Noor Erma dan Leong Kwan Eu (2014), Omardin (1996) berkata, minat merupakan suatu perkara penting sebagai pendorong kepada pelajar untuk bergiat cergas dalam aktiviti pembelajaran. Menurut psikologi, minat adalah kecenderungan untuk sentiasa memberi perhatian kepada banyak perkara secara berterusan. Minat berkait rapat dengan perasaan terutama perasaan gembira kerana kebiasaannya perasaan gembira ini muncul apabila seseorang berjaya melakukan perkara yang diminatinya (Fitra Audina dan Putri Rizki, 2022). Contohnya, seorang pelajar yang berminat terhadap suatu mata pelajaran akan menonjolkan perasaan gembira dan bersemangat sepanjang sesi pembelajaran berlangsung.

Minat juga boleh didefinisikan sebagai kecenderungan seseorang terhadap sesuatu yang mempengaruhi keinginan, kehendak dan dorongan seseorang (Fitra Audina dan Putri Rizki, 2022). Secara umum, minat boleh ditafsirkan sebagai kecenderungan menyebabkan seseorang cuba mencari atau mencuba aktiviti dalam sesuatu bidang. Dalam proses pembelajaran, minat merupakan salah satu faktor fisiologi penting dalam pembelajaran kerana mempunyai pengaruh yang besar terhadap pembelajaran pelajar. Hal ini kerana menerusi minat, pelajar akan berusaha bersungguh-sungguh untuk memahami dan menguasai mata pelajaran tersebut. Menurut Fitra Audina dan Putri Rizki (2022), sekiranya seseorang pelajar mempelajari suatu bidang yang tidak diminati, maka mereka akan lebih cenderung kepada belajar sambil lewa dan tidak cakna dengan prestasi akademik. Sebagai contoh, seorang pelajar yang berminat dalam bidang pengajian bahasa Arab maka pelajar tersebut akan terus mencuba dan mempelajari bahasa Arab sehingga menjadi seorang yang mahir dalam bidang tersebut. Manakala apabila seorang pelajar tersebut tidak meminati bahasa Arab, dan perlu mengikuti kelas tersebut secara tidak langsung akan menjadikan pelajar tersebut cepat bosan, susah untuk faham, tidak bersemangat dan sebagainya. Fitra Audina dan Putri Rizki (2022) berkata, salah satu faktor yang menyebabkan pelajar kurang minat belajar adalah disebabkan oleh pelajar itu sendiri. Menurut Fitra Audina dan Putri Rizki (2022), minat pelajar ini dapat dibangkitkan dengan bahan pengajaran serta kaedah pengajaran yang menarik dalam setiap pelajaran kerana dengan kewujudan dua (2) perkara utama ini dapat merangsang minat pelajar untuk belajar dengan lebih bersemangat.

1.3 Faktor Sikap

Selain itu, menurut Abdillah Samsuiman (2014), minat ini mempunyai kaitan dengan sikap. Apabila seseorang meminati sesuatu maka ia akan bersikap positif terhadap perkara tersebut. Hal ini akan menghasilkan sesuatu yang bermakna dan berkesan. Namun, ada kalanya minat tidak selari dengan sikap seseorang (Abdillah Samsuiman, 2014). Sebagai contoh, seseorang pelajar yang berminat dengan mata pelajaran kejuruteraan tetapi malas untuk membuat kajian dan penerokaan tidak akan berjaya menjadi seorang Jurutera. Noraini Omar (2008) mengatakan bahawa pembelajaran yang berkesan wujud jika ada minat dalam kalangan pelajar dan salah satu daripada cara menimbulkan minat pelajar ialah menerusi kaedah pengajaran dan aktiviti pembelajaran yang menarik. Guru juga perlu berperanan dalam menarik minat pelajar. Dalam proses pembelajaran kadangkala berlaku juga kemerosotan sama ada dari segi prestasi atau minat pelajar (Noraini Omar, 2008).

Di samping itu, sikap juga merupakan satu keadaan yang akan menyebabkan keinginan untuk melakukan perubahan perbuatan atau tingkah laku (Nurul Najwa dan Noor Raudhiah, 2017). Menurut Nurul Najwa dan Noor Raudhiah (2017), sikap juga boleh diterjemahkan dari segi cara seseorang individu itu bertindak balas terhadap sesuatu perkara. Sikap yang ditunjukkan oleh seseorang itu bergantung kepada apa yang telah dilalui oleh seseorang individu itu dan apa yang telah dipelajarinya (Nurul Najwa dan Noor Raudhiah, 2017). Yahaya et. al (2007) berkata, sikap memainkan peranan yang

penting untuk mencapai kejayaan dalam apa jua perkara atau usaha untuk mencapai sesuatu yang di ingini. Semasa dalam sesi pembelajaran, sikap individu lebih cenderung dalam cara menerima dan menginterpret maklumat (Yusof et al., 2005).


1.4 Faktor Persepsi

Istilah persepsi sering disamakan dengan pandangan atau anggapan seseorang kerana dalam persepsi tersebut terdapat interpretasi pandangan atau tanggapan seseorang (Aditya Bayu, 2016). Pelajar yang mempunyai persepsi yang baik terhadap proses pembelajaran akan mempunyai motivasi yang baik untuk belajar (Aditya Bayu, 2016). Tetapi sekiranya pelajar mempunyai persepsi yang buruk terhadap proses pembelajaran maka dia akan mempunyai motivasi yang buruk juga mengikuti proses aktiviti pengajaran dan pembelajaran (Aditya Bayu, 2016). Sebagai contoh, sekiranya seseorang pelajar mempunyai tanggapan yang positif terhadap subjek Bahasa Arab, maka secara tidak langsung dia akan bermotivasi untuk mempelajarinya. Namun, jika dia beranggapan negatif terhadap subjek Bahasa Arab, seperti menganggapnya suatu subjek yang sukar untuk dipelajari, maka motivasinya juga rendah untuk terus mempelajari subjek tersebut. Ini membuktikan bahawa persepsi pelajar terhadap proses pembelajaran mempunyai pengaruh tentang kejayaan pembelajaran itu sendiri. Thoha (2020) berkata, faktor yang mempengaruhi persepsi adalah faktor dalaman dan faktor luaran (Maryati dan Natalina, 2022). Manakala Walgito (2020) pula berpendapat terdapat 3 faktor mempengaruhi persepsi seseorang, iaitu objek, panca indera dan fokus (Maryati dan Natalina, 2022). Proses persepsi menurut Walgito (2018) adalah bermula daripada lima deria yang menerima rangsangan dan dipanggil proses fizikal (Maryati dan Natalina, 2022). Setelah diterima oleh lima deria tersebut diteruskan ke otak dikenali sebagai satu proses psikologi. Kemudian otak memproses rangsangan yang diterimanya dan masih dipanggil proses psikologi. Dalam proses psikologi inilah dikenali sebagai puncak persepsi bagi seseorang.

2.0 Metodologi Kajian

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan reka bentuk deskriptif tujuan untuk menguji kesahan dan kebolehpercayaan instrumen soal selidik terhadap faktor-faktor yang boleh mempengaruhi penguasaan l'rab Al-Asma' dalam kalangan pelajar Bahasa Arab di Uitm. Menurut Azizi Ahmad (2010), kebolehpercayaan merujuk kepada ketekalan atau kestabilan keputusan pentaksiran (Faizal & Leow Tze, 2017). Manakala kesahan kandungan adalah untuk menguji kandungan soalan yang diadaptasi dan dibangunkan oleh pengkaji (Shela Saleh dan Hashim Fauzy, 2014). Dalam kajian ini, kesahan kandungan dilakukan berdasarkan alatan yang sudah tersedia serta kajian lepas yang telah diuji secara empirikal dan selari dengan kajian yang akan dilakukan. Bagi penentuan sampel kajian, pengkaji memilih 30 orang responden daripada pelajar semester 6 dengan menggunakan kaedah pensampelan bertujuan. Chua (2006) berpendapat, jumlah minima sampel kajian bagi kajian rintis adalah memadai seramai 30 orang responden sahaja (Ahmad Mujahideen Yusoff et. al, 2021). Rajah 1. menunjukkan prosedur kajian rintis ini dijalankan:

Rajah 1. Prosedur Kajian Rintis



1.5 Metodologi Ujian Kesahan Instrumen Kajian

Pengkaji membina soal selidik ini dengan merujuk bahan rujukan yang sedia ada. Untuk faktor motivasi, pengkaji membina item-item soalan berdasarkan The Motivated Strategies for Learning Questionnaire (MSLQ), (1990). MSLQ ini merupakan instrumen berkaitan diri yang direka untuk menilai motivasi pelajar berdasarkan pandangan kognitif umum tentang motivasi dan strategi pembelajaran (Paul R. Pintrich, David A. F. Smith, Teresa Garcia, dan Wilbert J. McKeachie, 1990). Manakala bagi faktor minat pula, pengkaji merujuk soal selidik kajian lepas yang telah dijalankan oleh Johari Bin Hassan dan Norsuriani Binti Ab Aziz (2011) dengan tajuk Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Minat Terhadap Matematik Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah. Faktor sikap pula pengkaji merujuk Self-Assessment Questionnaire (SAQ) (Kenny, D. A. et al., 1995). Setelah item-item soal selidik tersebut diubah suai, pengkaji mendapatkan pengesahan daripada pensyarah yang dilantik. Mereka yang dilantik ini terdiri daripada tiga (3) orang pensyarah yang mengajar bidang Bahasa Arab melebihi lima (5) tahun.

1.6 Metodologi Ujian Kebolehpercayaan Instrumen Kajian

Setelah soal selidik disahkan, pengkaji akan menggunakan kaedah ketekalan dalaman bagi menentukan pekali kebolehpercayaan iaitu mencari pekali alfa atau dikenali sebagai Cronbach Alpha bagi setiap faktor dan keseluruhan instrumen kajian tersebut melalui program Statistical Package for Social Science (SPSS) (Faizal & Leow Tze, 2017). Bagi memastikan kebolehpercayaan instrumen kajian ini berada pada tahap memuaskan, pengkaji telah menjalankan kajian rintis dan untuk melihat kestabilan nilai Cronbach Alpha yang diperolehi. Seterusnya, nilai pekali kebolehpercayaan yang diperolehi daripada hasil kajian rintis dibandingkan dengan Jadual Nilai Kebolehpercayaan Lim (2007) bagi mengenal pasti item yang memerlukan penambahbaikan, pengubahsuaian atau disingkirkan dari instrumen kajian yang dibina (Mohd Faizal Nizam Lee Abdullah dan Leow Tze Wei, 2017). Jadual Nilai Kebolehpercayaan boleh dijadikan panduan dalam menaksir kebolehterimaan instrumen kajian dari segi kebolehpercayaan berasaskan nilai pekali kebolehpercayaan Lim (2007) seperti di Jadual 2.

Jadual 2. Panduan Tahap Nilai Pekali Kebolehpercayaan Lim (2007)

Pekali Kebolehpercayaan	Tahap Kebolehpercayaan
0.90 atau lebih	Amat baik
0.80 – 0.89	Baik
0.60 – 0.79	Sederhana
0.40 – 0.59	Diragui
0.00 – 0.39	Ditolak

Sumber: Mohd Faizal Nizam Lee Abdullah & Leow Tze Wei (2017)

Berdasarkan jadual di atas, nilai pekali kebolehpercayaan Lim (2007) yang terbaik adalah 0.90 atau lebih. Nilai 0.80 hingga 0.89 juga masih dikategorikan sebagai nilai pekali yang baik yang boleh dipercayai. Manakala nilai 0.60 hingga 0.79 menunjukkan kebolehpercayaan instrumen tersebut berada dalam keadaan sederhana. Seterusnya nilai 0.40 hingga 0.59 menunjukkan item soalan tersebut diragui dan nilai 0.00 hingga 0.39 pula menunjukkan kebolehpercayaan bagi item soalan tersebut telah ditolak.

2.0 Dapatan dan Perbincangan

Dapatan pengesahan pakar telah mengesahkan item-item yang terdapat dalam instrumen soal selidik ini boleh digunakan untuk kajian sebenar. Manakala bagi dapatan ujian kebolehpercayaan menggunakan kaedah ketekalan dalaman Alpha Cronbach jika item dipadamkan ditunjukkan dalam jadual-jadual di bawah:

Jadual 3. Faktor Motivasi

	Skala Min jika Item Dipadamkan	Skala Varians jika Item Dipadamkan	Jumlah Korelasi Item Dibetulkan	Cronbach Alpha jika Item Dipadamkan
Topik <i>I'rab Al-Asma'</i> adalah antara topik yang dapat meningkatkan motivasi saya untuk belajar Bahasa Arab.	59.37	52.861	.859	.873
Saya bermotivasi dan bersungguh-sungguh dalam mempelajari <i>I'rab Al-Asma'</i> .	59.20	56.855	.678	.883
Saya bermotivasi untuk berusaha mengulang kaji pelajaran dan mengingati formula-formula <i>I'rab</i> .	59.33	52.092	.771	.875
Saya memotivasikan diri untuk mengaplikasikan apa yang saya pelajari berkaitan <i>I'rab</i> terutamanya ketika kemahiran membaca dan menulis.	59.40	56.110	.457	.889
Saya bermotivasi untuk membaca penulisan Arab.	59.43	57.289	.312	.896
Saya bermotivasi apabila saya faham apa yang telah dipelajari daripada topik <i>I'rab Al-Asma'</i> .	59.03	57.689	.310	.877
Saya yakin saya boleh menguasai <i>I'rab Al-Asma'</i> dengan baik.	59.60	51.490	.731	.877
Saya memotivasikan diri untuk menguasai topik <i>I'rab Al-Asma'</i> kerana ia akan memberi kesan positif kepada subjek lain.	59.17	53.523	.896	.874
Kaedah menghafal formula <i>I'rab</i> menjadikan saya bermotivasi untuk menguasainya.	59.13	57.292	.489	.887
<i>I'rab</i> ayat yang sukar akan memotivasikan saya untuk saya terus mempelajarinya.	59.47	56.395	.384	.893

Saya bermotivasi untuk memahami penerangan <i>I'rab Al-Asma'</i> oleh pensyarah.	59.03	54.309	.792	.877
Pensyarah memberikan aktiviti pengukuhan (latihan) setiap kali selesai pengajaran setiap topik <i>I'rab Al-Asma'</i> .	59.17	55.247	.569	.884
Maklum balas positif yang diberikan oleh pensyarah merangsang motivasi saya untuk menguasai <i>I'rab Al-Asma'</i> .	59.07	53.099	.674	.880
Saya akan menerangkan kepada rakan-rakan mana-mana topik <i>I'rab Al-Asma'</i> setelah saya mempelajarinya.	59.83	56.695	.273	.902
Saya bermotivasi untuk belajar apabila melihat rakan lebih mahir <i>I'rab</i> daripada saya.	59.23	55.220	.733	.880

Jadual 3.1 Nilai Cronbach's Alpha

Cronbach's Alpha	N daripada item
.891	15

Berdasarkan Jadual 3. di atas, nilai *Cronbach's Alpha* jika item dipadamkan yang paling tinggi adalah 0.902 iaitu "Saya akan menerangkan kepada rakan-rakan mana-mana topik *I'rab Al-Asma'* setelah saya mempelajarinya". Pengkaji mengambil keputusan untuk tidak membuang item berkenaan kerana dilihat penting bagi mengetahui pandangan sebenar responden berkaitan dengan diri mereka sama ada para pelajar ini saling bantu-membantu antara satu sama lain khususnya dalam sesi pembelajaran. Selain itu, merujuk Jadual 3.1, dapat dilihat bahawa nilai *Cronbach's Alpha* bagi keseluruhan bagi faktor motivasi adalah tinggi iaitu sebanyak 0.891. Menurut Lim (2007), nilai 0.80 hingga 0.89 masih dikategorikan sebagai nilai pekali yang baik yang boleh dipercayai (Mohd Faizal Nizam Lee Abdullah & Leow Tze Wei, 2017).

Jadual 4. Faktor Minat

	Skala Min jika Item Dipadamkan	Skala Varians jika Item Dipadamkan	Jumlah Korelasi Item Dibetulkan	Cronbach Alpha jika Item Dipadamkan
<i>I'rab Al-Asma'</i> mampu menarik minat saya untuk menguasai topik-topik Nahu dengan baik.	56.77	126.806	.798	.955
Saya berminat untuk belajar semua topik berkaitan dengan <i>I'rab Al-Asma'</i> .	56.93	124.754	.819	.954
Saya seronok belajar kelas nahu yang menekankan aspek <i>I'rab Al-Asma'</i> .	56.97	125.068	.852	.954
Saya mempunyai rasa ingin tahu terhadap kedudukan baris akhir	56.83	126.489	.782	.955

perkataan dalam suatu ayat.

Menguasai I'rab Al-Asma' akan meningkatkan minat saya terhadap pembelajaran Bahasa Arab khususnya dari segi pembacaan dan juga penulisan.	56.83	127.316	.736	.956
Saya menumpukan perhatian sepenuhnya di dalam kelas apabila pensyarah menerangkan topik-topik berkaitan I'rab Al-Asma'.	56.90	124.507	.863	.953
Bahan pengajaran yang digunakan semasa sesi pembelajaran dapat meningkatkan minat saya untuk menguasai I'rab Al-Asma'.	56.77	126.185	.752	.955
Saya berusaha untuk memiliki kitab Nahu sebagai rujukan saya untuk mengulang kaji topik I'rab.	57.13	121.844	.732	.956
Saya ingin menguasai I'rab Al-Asma' dengan baik kerana minat membaca buku cerita serta akhbar-akhbar Bahasa Arab.	57.50	122.466	.702	.957
Saya minat menonton video-video berkaitan dengan pembelajaran I'rab Al-Asma'.	57.43	120.599	.813	.954
Ketika ada masa lapang, saya berminat untuk membuat latihan I'rab.	57.70	121.734	.787	.955
Saya mengajak rakan-rakan saya untuk membuat latihan I'rab bersama-sama.	57.67	122.920	.637	.959
Membuat latihan I'rab memberikan saya suatu kepuasan dan menambah minat saya terhadap topik Nahu Arab.	57.17	120.971	.885	.952
Saya terlibat secara aktif ketika terdapat soal jawab berkaitan I'rab dalam pembelajaran.	57.20	124.993	.769	.955
Saya dapat menjawab soalan-soalan Nahu dengan lebih mudah	57.00	126.552	.652	.957

selepas menguasai I'rab Al-Asma'.

Jadual 4.1 Nilai Cronbach's Alpha

Cronbach's Alpha	N daripada item
0.958	15

Hasil dapatan bagi faktor minat pula bagi nilai kebolehpercayaan Cronbach's Alpha jika item dipadankan paling tinggi ialah 0.959 iaitu "Saya mengajak rakan-rakan saya untuk membuat latihan I'rab bersama-sama". Item ini begitu sinonim dengan kehidupan para pelajar. Oleh itu, bagi melihat kesahihan kenyataan tersebut, item ini tidak dibuang. Malah, hasil keseluruhan Cronbach's Alpha juga menunjukkan nilai yang tinggi iaitu 0.958, berada dinilai amat baik.

Jadual 5. Faktor Sikap

	Skala Min jika Item Dipadankan	Skala Varians jika Item Dipadankan	Jumlah Korelasi Item Dibetulkan	Cronbach Alpha jika Item Dipadankan
Saya mempunyai keinginan yang tinggi untuk menguasai I'rab Al-Asma'.	57.47	72.326	.852	.910
Saya sering berusaha memotivasikan diri sendiri untuk menguasai I'rab Al-Asma'.	57.37	75.757	.600	.917
Saya memberi komitmen untuk mengulang kaji I'rab Al-Asma' di rumah.	58.03	71.137	.599	.918
Semasa membaca Al-Quran dan Hadis, saya akan mencuba untuk I'rab kalimah-kalimah tersebut.	58.17	72.557	.523	.921
Saya rajin membuat nota I'rab ketika dalam kelas.	57.53	73.361	.694	.914
Saya mampu bersikap sendiri dalam belajar I'rab Al-Asma'.	57.90	72.162	.588	.918
Saya seorang yang sangat berdisiplin terutamanya dalam belajar I'rab Al-Asma'.	57.70	72.424	.843	.910
Saya bertindak mengurus masa dengan baik untuk mempelajari I'rab Al-Asma'.	57.73	76.064	.609	.917
Saya merujuk kitab Nahu untuk memastikan penggunaan baris akhir perkataan adalah betul.	57.43	76.323	.461	.921
Saya menggunakan internet sebagai bahan rujukan sampingan untuk mendapatkan nota berkaitan I'rab Al-Asma'.	57.43	75.082	.620	.916
Saya aktif bertanya pensyarah di dalam kelas sekiranya saya	57.30	75.390	.550	.918

tidak faham kaedah untuk <i>I'rab</i> suatu perkataan.				
Saya akan berusaha mendapatkan nota-nota berkaitan <i>I'rab Al-Asma'</i> daripada pensyarah.	57.33	75.609	.610	.917
Saya bersedia untuk menjawab ujian yang berkaitan dengan <i>I'rab Al-Asma'</i> .	58.00	70.690	.700	.913
Saya bersedia untuk memberi penerangan kepada rakan-rakan sekiranya ada pertanyaan berkaitan dengan topik <i>I'rab Al-Asma'</i> .	58.00	71.034	.706	.913
Saya yakin untuk berkomunikasi Bahasa Arab setelah menguasai <i>I'rab</i> dengan baik.	57.80	72.441	.761	.912

Jadual 5.1 Nilai Cronbach's Alpha

Cronbach's Alpha	N daripada item
.921	15

Kebolehpercayaan Cronbach's Alpha jika item dipadamkan tertinggi bagi faktor sikap adalah 0.921 iaitu "Semasa membaca Al-Quran dan Hadis, saya akan mencuba untuk *I'rab* kalimah-kalimah tersebut" dan "Saya merujuk kitab Nahu untuk memastikan penggunaan baris akhir perkataan adalah betul". Item ini penting dalam mempengaruhi pembelajaran pelajar kerana pelajar yang sentiasa memotivasikan diri cenderung kepada pemikiran yang positif. Oleh itu, item berkenaan tidak digugurkan dalam borang soal selidik ini. Nilai keseluruhan *Cronbach's Alpha* juga tinggi dan boleh diterima iaitu sebanyak 0.921.

Jadual 6. Faktor Persepsi

	Skala Min jika Item Dipadamkan	Skala Varians jika Item Dipadamkan	Jumlah Korelasi Item Dibetulkan	Cronbach Alpha jika Item Dipadamkan
Pensyarah memberi dorongan untuk memastikan pelajar-pelajar dapat menguasai <i>I'rab Al-Asma'</i> .	59.50	54.672	.785	.868
Saya berpuas hati apabila dapat <i>I'rab</i> suatu perkataan dengan betul.	59.43	54.461	.675	.871
Saya akan mendapat ramai kawan apabila menguasai <i>I'rab Al-Asma'</i> .	60.10	56.162	.602	.875
Saya berasa bangga apabila dapat menguasai <i>I'rab Al-Asma'</i> .	59.63	55.757	.733	.871
<i>I'rab Al-Asma'</i> meningkatkan motivasi saya menggunakan bahasa Arab dalam kehidupan seharian.	59.80	54.579	.780	.868

Peruntukan masa (credit hour) untuk belajar Nahu mencukupi untuk saya mempelajari I'rab Al-Asma'.	59.90	56.231	.417	.884
Bahan pengajaran yang menarik merangsang minat saya menguasai I'rab Al-Asma'.	59.53	57.706	.529	.878
Saya gembira apabila penguasaan I'rab Al-Asma' saya lebih baik daripada rakan-rakan.	59.87	54.740	.740	.870
I'rab Al-Asma' mudah untuk difahami dan dikuasai.	60.30	59.390	.179	.898
I'rab Al-Asma' membantu saya menguasai Bahasa Arab.	59.73	52.754	.750	.867
Dengan menguasai I'rab Al-Asma', saya dapat menguasai keseluruhan topik Nahu Bahasa Arab.	59.60	55.421	.765	.870
Saya mengetahui kepentingan menguasai I'rab Al-Asma'.	59.70	54.976	.766	.869
Saya menguasai I'rab Al-Asma' untuk lulus subjek Nahu.	60.43	58.185	.164	.908
I'rab Al-Asma' membantu saya membaca serta memahami Al-Quran dan Hadis.	59.67	54.782	.643	.873
Saya mudah mengingat formula I'rab Al-Asma'.	59.73	58.754	.440	.881

Jadual 6.1 Nilai Cronbach's Alpha

Cronbach's Alpha	N daripada item
.884	15

Jadual 6 di atas menunjukkan kebolehpercayaan Cronbach's Alpha jika item dipadamkan tertinggi bagi faktor sikap adalah 0.908 iaitu "Saya menguasai I'rab Al-Asma' untuk lulus subjek Nahu". Item ini penting dalam mempengaruhi pembelajaran pelajar kerana pelajar yang sentiasa memotivasikan diri cenderung kepada pemikiran yang positif. Oleh itu, item berkenaan tidak digugurkan dalam borang soal selidik ini. Di samping itu, nilai keseluruhan Cronbach's Alpha juga boleh diterima iaitu dengan nilai 0.884.

2.1 Dapatan Keseluruhan Kebolehpercayaan Instrumen

Jadual 7. Dapatan Kajian Rintis Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Penguasaan I'rab Al-Asma'

Faktor	Min	Sisihan Piawai	Pekali Kebolehpercayaan
Motivasi	63.53	7.921	0.891
Minat	61.20	11.923	0.958
Sikap	61.80	9.159	0.921
Persepsi	64.07	7.978	0.884
Nilai Keseluruhan Cronbach's Alpha	0.976		

Berdasarkan Jadual 7. di atas, pekali kebolehpercayaan untuk faktor motivasi adalah 0.891, manakala pekali kebolehpercayaan faktor minat adalah 0.958 dan pekali kebolehpercayaan bagi faktor sikap pula adalah 0.921. Bagi faktor persepsi, pekali kepercayaannya adalah 0.884. Secara keseluruhannya, nilai Cronbach's Alpha adalah 0.976. Ini bermaksud bahawa kesemua item dalam faktor-faktor ini mempunyai ketekalan dalaman yang tinggi untuk menganalisis faktor-faktor yang membantu pelajar dalam menguasai I'rab Al-Asma'.

3.0 Kesimpulan

Keperluan menjalankan kajian rintis ini adalah untuk mengenal pasti masalah yang mungkin timbul semasa kajian sebenar (Mohd Faizal et. al, 2017). Ia juga dapat membantu pengkaji mengenalpasti kaedah dan teknik kajian yang bakal dilakukan, ini mungkin termasuk ujian pada alat pengumpulan data seperti borang soal selidik dan item instrumen supaya berfungsi mengikut kehendak dan keperluan kajian. Kajian rintis juga penting untuk menganggarkan parameter awal dalam kajian tertentu selain itu ia juga bertujuan untuk mengenalpasti tahap kebolehpercayaan kajian sebenar serta membantu meningkatkan kesahan dalam instrumen kajian (Mohd Faizal et. al, 2017).

Pelaksanaan kajian rintis ini adalah permulaan pendedahan sebenar kepada penyelidik untuk meneruskan kajian ke peringkat kajian yang sebenar. Berdasarkan dapatan kajian, kajian ini berjaya membuktikan bahawa instrumen soal selidik dalam kajian ini adalah sah dan boleh digunakan dan dipanjangkan untuk kajian sebenar. Manakala item dalam instrumen ini juga boleh dipakai oleh pengkaji lain sebagai alat instrumen kajian yang valid dan sah.

Rujukan

- Ames, R., & Ames, C. (1984). *Research on Motivation in Education: Goals and cognitions*. Academic Press.
- Ariyantara, A. (2016). *Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Persepsi Siswa Kelas Vii Smp Negeri 4 Wates Terhadap Proses Pembelajaran Permainan Bolabasket Skripsi*. <https://eprints.uny.ac.id/37927/1/SKRIPSI.pdf>
- Azhar . (2005). Beberapa Aspek Keunikan Dan Keistimewaan Bahasa Arab Sebagai Bahasa Al-Quran. *Sains Humanika*, 42(1). <https://doi.org/10.11113/sh.v42n1.350>
- Azlin, A. @ R., & Suhaimi, T. (2020). Penguasaan Bahasa Arab: Hubungannya Dengan Sikap Murid dan Pengajaran Guru. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(3), 13–23. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i3.370>
- Beth, H., Beth, A., Seana, M., & Teresa M., A. (2015). Extrinsic and Intrinsic Motivation. *Wiley Encyclopedia of Management*, 11, 1–4. <https://doi.org/10.1002/9781118785317.weom110098>
- Ega Sri, D., Yunia, W., & Sri Ulfa, S. (2019). The Influence of Parent's Attention, Parents Education Background, Learning Facilities and Learning Motivation toward Student Learning Achievement. *Proceedings of the 2nd Padang International Conference on Education, Economics, Business and Accounting (PICEEBA-2 2018)*. <https://doi.org/10.2991/piceeba2-18.2019.105>
- Ellis, R. (1985). *Understanding second language acquisition*. Oxford University Press.
- Fitra, A., & Putri Rizki, A. (2022). Minat Belajar Siswa Terhadap Pelajaran Bahasa Indonesia. *EUNOIA (Jurnal Pendidikan Bahasa Indonesia)*, 2(2), 157. <https://doi.org/10.30821/eunoia.v2i2.2100>
- Gilakjani, A. P., Leong, L.-M., & Sabouri, N. B. (2012). A Study on the Role of Motivation in Foreign Language Learning and Teaching. *International Journal of Modern Education and Computer Science*, 4(7), 9–16. <https://doi.org/10.5815/ijmecs.2012.07.02>
- Hakim, A., Ab., & Ismail, W. (2015). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Motivasi Terhadap Pembelajaran Bahasa Arab. *Deleted Journal*, 10(2), 104–121.

- Izhar, D., & Rohana, Z. (2021). *Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Penguasaan Pengajian Ilmu Qiraat: Satu Kajian Di Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat MAIK*. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(2). <https://qiraat.kuis.edu.my/index.php/qiraat/article/download/31/17>
- Johari, H., & Norsuriani, A. A. (2011). Faktor-faktor yang mempengaruhi minat terhadap matematik di kalangan pelajar sekolah menengah. *Journal of Science & Mathematics Education*, 1–7. <http://eprints.utm.my/11972/>
- Kenny, D. A., & Others, A. (1995). *The Effects of Group Composition on Gifted and Non-Gifted Elementary Students in Cooperative Learning Groups*. ERIC. <https://eric.ed.gov/?id=ED402702>
- Keshwar Seebaluck, A., & Devi Seegum, T. (2013). Motivation among public primary school teachers in Mauritius. *International Journal of Educational Management*, 27(4), 446–464. <https://doi.org/10.1108/09513541311316359>
- Lisa, L. (2016). Intrinsic and Extrinsic Motivation. *Encyclopedia of Personality and Individual Differences*, 1(1), 1–4. https://doi.org/10.1007/978-3-319-28099-8_1139-1
- Maryati, M., & Natalina Premastuti, B. (2022). Persepsi Siswa Terhadap Penggunaan Media Pembelajaran Google Classroom Dalam Pembelajaran Daring Pada Mata Pelajaran Ekonomi Di Sma Negeri 3 Bantul. *Jurnal Pendidikan Ekonomi Dan Akuntansi*, 15(1), 31–41. <https://doi.org/10.24071/jpea.v15i1.4604>
- Matua, S. (2019). *Analisis I'rab Majrur Pada Al-Quran Juz 30*. Usu.ac.id. <https://repositori.usu.ac.id/bitstream/handle/123456789/24155/150704026.pdf?sequence=1&isAllowed=y>
- Maya. (2018). *Ibnu Jinni dan Pemikirannya- Issuu*. Issuu.com. https://issuu.com/xmaya/docs/ibnu_jinni_dan_pemikirannya
- Mohammad Abdillah, S., Miss Asma, B., & Zamri, A. (2014). Hubungan Antara Kualiti Guru Bahasa Arab Dan Kecenderungan Minat Pelajar Dalam Bahasa Arab. *Jurnal Kemanusiaan*, 12(1). <https://jurnalkemanusiaan.utm.my/index.php/kemanusiaan/article/view/41>
- Mohd Faizal Nizam Lee, & Leow, T. W. (2017). Kesahan Dan Kebolehpercayaan Instrumen Penilaian Kendiri Pembelajaran Geometri Tingkatan Satu. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, Vol. 14, No. 1 June 2017, 211–265. <https://doi.org/10.32890/mjli2017.14.1.9>
- Mohd Sukki, O., & Mohd Fadzli, I. (2012). *Faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar dalam pengajaran & pembelajaran bahasa Arab : satu tinjauan di SMAP Kajang*. Psasir.upm.edu.my. <http://psasir.upm.edu.my/31832/>
- Noels, K., Clément, R., & Pelletier, L. (2001). Intrinsic, Extrinsic, and Integrative Orientations of French Canadian Learners of English. *Canadian Modern Language Review*, 57(3), 424–442. <https://doi.org/10.3138/cmlr.57.3.424>
- Noraini, O. (2008). *Article 3 54-74 21pages Noraini Omar - JPIM*. Pdfcoffee.com. <https://pdfcoffee.com/download/article-3-54-74-21pages-noraini-omar-jpim-pdf-free.html>
- Pintrich, P. R., & de Groot, E. V. (1990). Motivational and self-regulated learning components of classroom academic performance. *Journal of Educational Psychology*, 82(1), 33–40. <https://doi.org/10.1037/0022-0663.82.1.33>
- Syed Shahridzan, S. M. (2020). *The differences in I'rab in the Quranic verses and their effects on meaning based on the views of al-Shanqitiy / Syed Shahridzan Syed Mohamed*. Studentsrepo.um.edu.my. <http://studentsrepo.um.edu.my/14232/>
- Yahaya, A., Ramli, J., Boon, Y., & Pendidikan, F. (2007). *Sumbangan Sikap Terhadap Pencapaian Pelajar Dalam Mata Pelajaran Matematik: Sejauhmanakah Hubungan Ini Relevan?* <https://core.ac.uk/download/pdf/1177>